

17/04/1997

Asrama bujang atasi setinggan

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Rabu - Asrama bujang mungkin dibina di Lembah Klang bagi menempatkan pekerja berpendapatan rendah yang belum berkahwin sebagai langkah mengatasi masalah setinggan, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr Ting Chew Peh.

Beliau berkata, cadangan untuk menempatkan golongan itu di tempat lebih selesa timbul selepas kajian mendapati sebilangan besar pekerja bujang tinggal di kawasan setinggan.

"Bagaimanapun, asrama bujang itu berbeza dengan asrama belia sedia ada. Bentuk terperinci mengenai asrama ini akan diketahui apabila kajian mengenainya selesai tidak lama lagi," katanya kepada di pejabatnya, hari ini.

Kajian pembinaan asrama bujang itu dijalankan oleh kementeriannya dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kerajaan Selangor, selepas satu mesyuarat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Disember lalu.

Dr Ting berkata, kementeriannya belum dapat memastikan sama ada asrama bujang itu akan dibina oleh kerajaan atau menyerahkan pembinaannya kepada pemaaju perumahan kos rendah swasta.

Kementerian itu juga belum memikirkan cara pemilihan pekerja bujang untuk menduduki domitori berkenaan, tetapi yang pasti mereka akan dikenakan bayaran sewa.

Antara cadangan lain yang turut diperakukan dalam mesyuarat itu ialah kemungkinan kerajaan membeli rumah kos rendah atau pangsapuri yang dibina pemaaju swasta untuk disewakan kepada penduduk setinggan.

Selain itu, DBKL dan Kerajaan Selangor mengadakan banciaan terhadap penduduk setinggan di Lembah Klang bagi dijadikan panduan dalam membantu penduduk yang menghadapi masalah tempat tinggal.

"Selepas itu, satu proses pendaftaran penduduk setinggan akan dilakukan untuk membolehkan kerajaan mendapat gambaran lebih jelas mengenai mereka," katanya.

Menurut Dr Ting, walaupun masalah setinggan tempatan tidak begitu teruk berbanding negara lain, kementerian tetap mengambil berat masalah mereka yang menduduki tanah kerajaan dan swasta secara haram.

"Cara hidup kurang sihat mendatangkan pelbagai masalah terutama membabitkan sanitari dan kebersihan. Usaha membanteras masalah setinggan bukan semata-mata kerana Sukan Komanwel semakin hampir, tetapi juga sebagai satu gejala yang perlu ditangani dalam jangka panjang," katanya.

(END)